

2 lokal

Warga asing sewa rumah teres simpan rokok seludup RM1.6j

Kuantan: Taktik warga asing menyewa rumah teres di kawasan terpencil untuk dijadikan gudang menyimpan rokok seludup terbongkar hasil serbuan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang di Indera Mahkota, di sini.

Pengarahnya Mohd Asri Seman berkata, hasil serbuan di premis terbabit, sebanyak 1,586,660 rokok seludup bernilai RM1,628,723 termasuk duti cukai dirampas.

Menurutnya, berdasarkan risikan, jabatan terbabit menyebu rumah teres berkenaan pada jam 10.30 pagi, 2 Oktober lalu.

Katanya, hasil serbuan, pihaknya menemui hampir 19 jenama rokok diseludup dari negara jiran.

"Ketika serbuan, rumah terbabit tiada penghuni dan hasil siasatan kediaman itu disewa sekumpulan lelaki warga asing."

"Pemilik rumah itu sudah disoal siasat dan maklumat diperoleh mendapati premis berkenaan disewa sejak dua bulan lalu.

"Hasil siasatan juga mendapati rokok seludup itu dipercayai untuk dipasarkan di sekitar Kuantan dan daerah berhampiran.

"Kami percaya penyelu-

dup sengaja menyewa rumah teres di kawasan terpencil sebagai belah mengelak kegiatan mereka disan pihak berkuasa," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mohd Asri berkata, usaha mengesan anggota sindiket penyeludupan rokok membabitkan warga asing serta dalam kumpulan itu sedang dilakukan.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 kerana menyimpan, menyembunyi dan memiliki barang tidak berkastam atau barang larangan.



MOHD ASRI (dua dari kanan) memeriksa rampasan rokok pelbagai jenis dan jenama.

TAKTIK SINDIKET ROKOK HARAM PERDAYA PENGGUNA, PIHAK BERKUASA

Muslihat setem cukai palsu

Oleh Skuad Khas
Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Satu pertiga daripada keseluruhan pasaran rokok haram di negara ini 'diknasar' setem cukai palsu yang digunakan sindiket bagi memperdaya pengguna dan pihak berkuasa.

Berdasarkan Kajian Rokok Haram (ICR) Nielsen pada Mei 2025, separuh daripada rokok yang dijual di Malaysia iaitu 54.5 peratus adalah haram, menyebabkan kerajaan kehilangan hasil cukai melebihi RM3 bilion setiap tahun.

Kajian Nielsen itu menunjukkan rokok dengan setem cukai palsu meningkat berganda iaitu daripada 8.7 peratus pada 2023 kepada 15.6 peratus pada Mei 2025 dari keseluruhan rokok haram.

Namun persoalannya, berapa syarikat yang benar-benar mempunyai lesen sah, dan berapa ramai pula yang mengeksploitasi kelonggaran serta peraturan yang ditetapkan?

Walaupun terdapat kejayaan penguatkuasaan baru-baru ini menerusi Ops Sikaro yang berjaya melumpuhkan operasi penyeludupan dengan kerugian cukai lebih RM250 juta antara tahun 2020 hingga 2024 namun ia dilihat membinasakan.

Kerajaan perlu segera menghentikan pemberian lesen le-

sen import rokok baharu, terutamanya kepada syarikat yang disyaki terbabit dalam penyebaran setem cukai palsu.

Lesen sedia ada yang dipegang oleh pengimport memerlukan perlu disiasat sepenuhnya dan dibatalkan sekiranya terbukti terbabit dalam aktiviti haram.

Dalam masa yang sama, agensi penguatkuasaan wajar diberi pengiktirafan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), di bawah pimpinan Ketua Pengarah Datuk Anis Rizana Mohd Zainuddin mencatatkan kemajuan dalam meningkatkan kredibiliti dan semangat kerja walaupun wujud unsur rasuah, integriti majoriti pegawai JKDM harus diiktiraf.

Malaysia tidak boleh terus kehilangan berbilion ringgit akibat industri haram yang semakin berani dengan setem cukai palsu.

Demi melindungi hasil negara, menjaga keselamatan awam, dan menegaskan undang-undang, kerajaan mesti bertindak tegas dengan membekukan lesen import rokok baharu; membatalkan lesen yang disalahgunakan dan memastikan hanya produk sah serta bercukai sampai ke tangan pengguna Malaysia.

Sementara itu, Penganalisis Jenayah dan Pakar Kriminologi, Datuk Shahril Hamid Abd Rahim mencadangkan kerajaan menghentikan sepenuhnya pengeluaran lesen import dan penjualan baharu rokok sebagai langkah paling berkesan menutup pintu sindiket penyeludupan yang kini semakin menguasai pasaran tempatan.

"Lesen penjualan rokok yang ada sekarang tu saja dikekalkan. Tiada lesen baharu dikeluarkan dan kalau ada yang tidak aktif, batalkan.

"Saya setuju kalau lesen import rokok dihentikan. Kalau untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat tiada masalah.

"Selain itu, sepatutnya pihak berkuasa sudah boleh tangkap penyeludup dan penjual rokok haram ini kerana dari situ kita dapat kesan rantaian penyeludup sebenar," katanya kepada Harian Metro.

Menguulas lanjut, beliau

menegaskan tindakan drastik sangat penting kerana penjualan rokok haram bukan sahaja merugikan hasil cukai negara, malah mendatangkan risiko kesihatan serius kerana kandungannya tidak diketahui.

Katanya, walaupun penyeludupan sering berlaku di kawasan sekitar Pantai Timur, usaha membanters gagal apabila terdapat kemungkinan segelintir masyarakat tempatan yang bersekongkol dengan sindiket berkenaan.

Dalam pada itu, Shahril berkata, masyarakat perlu sedar rokok seludup dijual murah kerana tidak dikenakan cukai, namun hakikatnya kandungan bahan di dalamnya jauh lebih berbahaya.

"Rokok ini mungkin lebih berbahaya

“Sepatutnya pihak berkuasa boleh tangkap penyeludup, penjual rokok haram”
Shahril Hamid

